

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
(LIMBANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.11.2017

Y.B. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [LIMBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kedudukan terkini mata wang Ringgit Malaysia di pasaran antarabangsa dan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan mata wang Ringgit Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya, dalam jangka masa pendek, nilai ringgit akan sentiasa dipengaruhi oleh ketidaktentuan faktor luaran. Pada hakikatnya, penyusutan nilai ringgit yang ketara sejak tahun 2014 bukanlah unik kepada ringgit sahaja kerana fenomena ini turut

dialami oleh hampir kesemua mata wang serantau berikutan ketidaktentuan faktor luaran. Namun, berpandukan kepada asas-asas ekonomi negara yang semakin kukuh, nilai ringgit akan meningkat dalam jangka masa sederhana selaras dengan perkembangan positif ini.

Perubahan ini dapat dilihat pada tahun 2017, di mana nilai ringgit telah meningkat sebanyak 8.3% (sehingga 21 November 2017) berbanding dolar AS dan mencatat prestasi antara yang terbaik di kalangan negara-negara jiran. Perkembangan ini berpunca daripada kemasukan semula aliran dana portfolio pelabur bukan pemastautin ke dalam pasaran kewangan Malaysia berikutan prestasi ekonomi negara yang memberangsangkan. Kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan eksport yang melebihi jangkaan telah mendorong sentimen yang lebih positif di kalangan pelabur dan seterusnya menyokong pengukuhan nilai ringgit.

Selain itu, sentimen positif terhadap ringgit turut disokong oleh langkah-langkah pembangunan pasaran yang diperkenalkan oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan (FMC) dan Bank Negara Malaysia pada penghujung tahun 2016.